

**Memorandum**

**REFORMASI PEMBIAYAAN POLITIK  
DI MALAYSIA**



***Transparency International – Malaysia***

Suite B-11-1, Wisma Pantai, Plaza Pantai  
5, Jalan 4/83A  
59200, Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 603-2284-0630  
Fax: 603-2284-0690  
[www.transparency.org.my](http://www.transparency.org.my)

## **Kandungan**

<i><b>Tajuk</b></i>	<i><b>Muka</b></i>
<b>1. Pengenalan</b>	<b>2</b>
<b>2. Kenapa reformasi pembiayaan politik penting</b>	<b>2</b>
<b>3. Syor TI-M</b>	<b>3</b>
<b>4. Keutamaan TI-M</b>	<b>5</b>
<b>5. Perkara Yang Memerlukan Tindakan Segera</b>	<b>7</b>
<b>Tentang Transparency International – Malaysia</b>	<b>8</b>
<i><b>Lampiran</b></i>	
<b>I: Cadangan Pendanaan Langsung Kerajaan dan</b>	<b>9</b>
<b>Akses Sama Rata Kepada Media</b>	
<b>II: Pendanaan oleh Kerajaan di Pelbagai Negara</b>	
– Amerika Syarikat	<b>12</b>
– Australia	<b>14</b>
– Jerman	<b>15</b>
– Korea Selatan	<b>17</b>
– United Kingdom	<b>19</b>

## **1. Pengenalan**

Sumber kewangan adalah perlu bagi parti-parti politik dan calon-calon berfungsi dengan berkesan dalam sistem demokrasi moden.

Akan tetapi, wang dalam politik boleh menimbulkan risiko rasuah yang serius terhadap kualiti kerajaan dan demokrasi. Wang boleh menggendalakan/mengganggu prinsip demokrasi mengenai persaingan yang adil dalam pemilihan dan menggugat perwakilan politik yang betul. Masalah timbul apabila organisasi-organisasi yang mempunyai agenda persendirian menyediakan dana rahsia yang besar kepada parti-parti politik/calon-calon dan mengharapkan sesuatu sebagai balasan, mengkompromikan kualiti kerajaan.

Transparency International-Malaysia (TI-M) mula menjalankan penyelidikan mengenai kedudukan pembiayaan politik di Malaysia dari 2009-2010. Penyelidikan tersebut mengandungi wawancara dengan ahli-ahli politik yang lepas dan yang sekarang seperti Tun Dr Mahathir Mohamed dan YM Tengku Razaleigh Hamzah dan kajian-kajian dengan pelbagai pihak yang berkepentingan seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), ahli-ahli politik, ahli-ahli akademik, penganalisis politik, syarikat-syarikat, masyarakat sivil, wartawan, pelajar universiti dan masyarakat awam. TI-M telah juga menganjurkan bengkel pensahihan, perbincangan meja bulat, dan persidangan kebangsaan dan juga perundingan peringkat negeri mengenai reformasi dalam pembiayaan politik di Malaysia.

Penyelidikan tersebut sampai ke kemuncaknya dengan kelahiran buku berjudul "Reforming Political Financing in Malaysia" dan "Reformasi Pembiayaan Politik di Malaysia" yang berfungsi sebagai panduan mengenai reformasi pembiayaan politik di Malaysia.

## **2. Kenapa reformasi pembiayaan politik penting**

Kerajaan telah memulakan program transformasi yang mencakupi enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), termasuklah menentang rasuah. Salah satu inisiatif kerajaan adalah untuk menyemak semula perundangan semasa yang berkaitan dengan pembiayaan politik dan untuk menerima pakai inisiatif baru bagi menambah baik ketelusan/ transparensi dalam pembiayaan politik. Prinsip-prinsip seperti "transparensi/ ketelusan" "akauntabiliti/ kebertanggungjawaban" dan "integriti" turut dimasukkan dalam Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kempen TI-M mengenai reformasi pembiayaan politik menyokong Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Rasuah politik dan politik wang memberikan kesan yang memudaratkan kepada negara. Politik wang sering menjadi titik permulaan kitaran jahat dan dahsyat rasuah dalam sebuah masyarakat. Kerosakan yang berpunca daripada rasuah politik termasuk:

- Menolak ansur/mengkompromikan kualiti kepimpinan
- Mewujudkan persaingan yang tidak adil di kalangan parti-parti dengan memihak calon-calon yang mempunyai akses kepada sumber-sumber yang lebih banyak. Hak warganegara untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam masyarakat dinafikan.
- Mengancam prinsip kesamarataan dengan membenarkan mereka yang memegang kuasa ekonomi untuk menikmati pengaruh politik yang lebih besar.
- Melencongkan/mengalihkan sumber awam kepada peribadi.
- Menyebabkan ketirisan dalam dana pembangunan persekutuan yang menghalangnya daripada sampai ke peringkat akar umbi. Ini meningkatkan ketidaksamarataan pendapatan.
- Mengurangkan keupayaan pentadbiran negeri.
- Menggugat tanggung pembangunan, hak asasi manusia individu dan rangka undang-undang yang dihasratkan untuk melindungi mereka.

Adalah penting untuk kerajaan bertindak cepat bagi menghentikan kerosakan yang boleh berlaku kepada negara disebabkan rasuah politik.

### **3. Syor TI-M**

Berdasarkan penyelidikan dan perundingan dengan pihak berkepentingan, TI-M mencadangkan supaya dilaksanakan 22 reformasi untuk menambah baik transparensi, integriti dan akauntabiliti dalam pembiayaan politik. Syor-syor yang dicadangkan itu memfokuskan tiga bidang utama: Reformasi Institusi (syor #1- #6), Reformasi Perundangan (syor #7- #19) dan Reformasi Media (syor #20 - #22).

No.	Syor
1	Menyemak semula Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang mentadbir Suruhanjaya Pilihan Raya bagi meningkatkan autonomi dan kebebasannya.
2	Memperkenalkan mekanisme yang sewajarnya bagi membolehkan Suruhanjaya Pilihan Raya berfungsi dengan bebas.
3	Mewajibkan audit bebas oleh juruaudit bertauliah dijalankan ke atas perbelanjaan pilihan raya parti-parti politik dan calon-calon sebelum dikemukakan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya.
4	Membina keupayaan Suruhanjaya Pilihan Raya bagi menentusahkan pelaporan pembiayaan kempen.
5	Menentukan had perbelanjaan calon-calon dan parti-parti politik berdasarkan kawasan geografi kawasan pilihan raya dan bilangan pemilih/pengundi.
6	Memperkenalkan mekanisme bagi mewujudkan sebuah kerajaan sementara yang tidak menyebelahi mana-mana pihak selepas pilihan raya diumumkan.
7	Menggubal Akta Parti-Parti Politik yang baru, bagi mengawal selia parti-parti politik.
8	Mendaftarkan parti-parti politik dengan Suruhanjaya Pilihan Raya dan bukan dengan Pendaftar Pertubuhan.
9	Mengawal selia pemilihan dalam parti-parti politik di bawah Akta Parti-Parti Politik.
10	Meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang hanya mengawal selia perbelanjaan di antara hari penamaan calon dan hari pembuangan undi, bagi mencerminkan semua perbelanjaan yang ditanggung bagi pilihan raya umum.
12	Melarang pembiayaan secara bersembunyi/berselindung seperti dana haram (slush fund).
13	Halang organisasi-organisasi yang ada kaitannya/ada hubungannya dengan parti-parti politik daripada digunakan sebagai alat/saluran bagi pembiayaan politik.
14	Kenakan had ke atas sumbangan daripada individu kepada parti-parti politik.
15	Larang parti-parti politik daripada menerima dana asing /luar negara.
16	Kenakan had perbelanjaan ke atas aktiviti-aktiviti pilihan raya parti-parti politik.
17	Larang parti-parti daripada secara langsung atau tidak langsung memiliki atau terbabit dalam perniagaan.
18	Libatkan semua pemegang saham dalam proses pembuatan keputusan syarikat-syarikat berkenaan dalam hal sumbangan politik.
19	Perkenalkan pembiayaan oleh kerajaan bagi parti-parti politik untuk membiayai aktiviti-aktiviti pilihan raya dan bukan pilihan raya mereka.
20	Larang pemilikan media oleh parti-parti politik.
21	Mansuhkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (PPPA) 1984.
22	Benarkan akses sama rata dan bebas kepada media awam bagi semua kumpulan berkepentingan di bawah Akta Parti-Parti Politik.

#### **4. Keutamaan TI-M**

TI-M dan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil yang terbabit dalam kempen TI-M di seluruh negara mengiktiraf dan mengakui bahawa bukan semua reformasi boleh dilaksanakan serentak; justeru TI-M mencadangkan syor-syor yang berikut supaya dilaksanakan sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13.

##### **(a) Pembiayaan oleh Kerajaan**

Pembiayaan oleh kerajaan adalah penting bagi mempertingkatkan transparensi, akauntabiliti dan keadilan dalam pembiayaan politik, dan bagi memastikan bahawa parti-parti politik dan calon-calon mempunyai sumber yang mencukupi untuk menjalankan kempen-kempen yang berdaya maju. Wang awam menjustifikasikan transparensi dan akauntabiliti lebih besar oleh parti-parti dan calon-calon, dan mempertingkatkan pendedahan dan pemantauan rasuah politik.

- i. Pembiayaan oleh kerajaan seharusnya berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:
  - Imbangan yang munasabah antara pembiayaan kerajaan dan pembiayaan persendirian.
  - Kriteria yang adil bagi pengagihan pembiayaan kerajaan kepada parti-parti.
  - Peraturan yang ketat dalam hal membabitkan derma persendirian.
  - Mengehadkan /membatasi perbelanjaan pilihan raya parti-parti.
  - Akaun yang betul-betul telus dan pendedahan kepada awam sepenuhnya
  - Mewujudkan pihak berkuasa audit yang bebas bagi memantau penggunaan dana.
  - Penalti yang berat/keras ke atas parti-parti dan calon-calon yang melanggar peraturan.
- ii. Pembiayaan seharusnya mengikut kadar berdasarkan keputusan pilihan raya yang sebelumnya, seperti undi popular yang diperoleh, bilangan kerusi parlimen dan kerusi dewan undangan negeri yang diperoleh.
- iii. Pembiayaan mestilah dibuat kepada parti-parti politik dan bukan kepada individu, tetapi boleh dibayar secara terus kepada calon bebas penyandang jawatan.

**(b) Peraturan Pelaporan Pembiayaan Politik**

- i. Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 seharusnya dipinda bagi menghendaki audit bebas dijalankan oleh juruaudit bertauliah ke atas perbelanjaan pilihan raya parti sebelum dikemukakan kepada SPR.
- ii. Akta Pilihan Raya 1958 seharusnya dipinda bagi memberi kuasa kepada SPR untuk menjalankan siasatan dan menentusahkan laporan kewangan yang dikemukakan oleh parti-parti politik dan calon-calon.

**(c) Pendedahan Penuh Pembiayaan Parti Politik dan Calon**

Parti-parti politik dikehendaki oleh Akta Pertubuhan 1966 supaya mengemukakan laporan kewangan tahunan yang telah diaudit kepada Pendaftar Pertubuhan (ROS), tetapi tidak mensyaratkan supaya didedahkan kepada orang awam atau supaya orang awam diberi akses kepada laporan-laporan berkenaan. Transparensi atau ketelusan dalam kewangan menggalakkan pengundi-pengundi menjalankan hak mereka, dan masyarakat sivil diberi kuasa untuk “menjejaki wang” berkenaan dan menghentikan rasuah politik.

- i. Parti-parti politik seharusnya dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat pendedahan awam sepenuhnya mengenai amaun dan sumber pembiayaan dan perbelanjaan mereka. Akaun parti politik mestilah didedahkan kepada awam dan orang ramai mestilah diberi akses kepada akaun parti-parti politik.

**(d) Pengawalan Selia Derma Politik**

Pada masa ini tidak ada perundangan yang mengawal selia derma politik.

- i. Sumbangan kewangan oleh individu dan organisasi atau syarikat-syarikat Malaysia kepada parti-parti politik mesti dihadkan. Secara idealnya, syarikat-syarikat seharusnya dilarang daripada membuat derma politik. Ini merupakan cara terbaik bagi membendung keupayaan mereka yang mempunyai agenda persendirian mempengaruhi hasil atau keputusan pilihan raya.
- ii. Senarai penderma-penderma yang tidak dibenarkan seharusnya disediakan. Ini termasuk perbadanan-perbadanan berkaitan kerajaan, bukan warganegara dan organisasi asing/luar negara.

**(e) Liputan Sama Rata dan Adil oleh Media Awam dan Akses Kepada Media Awam**

- i. Memberikan liputan yang adil dan sama rata kepada semua parti politik yang berkempen semasa tempoh kempen pilihan raya. Parti-parti politik dan calon-calon seharusnya mempunyai akses kepada semua media awam (yang operasinya dibantu menggunakan wang pembayar cukai), termasuk TV, radio, agensi berita nasional dan laman-laman web.

**5. Perkara Yang Memerlukan Tindakan Segera**

Menentang rasuah adalah perkara utama dalam agenda kerajaan seperti juga halnya NKRA, dan mereformasi pembiayaan politik di Malaysia adalah penting bagi membendung rasuah politik, yang sering kali diperihalkan sebagai “ibu segala rasuah”. Reformasi pembiayaan politik yang dicadangkan oleh TI-M ini disokong oleh seluruh lapisan rakyat Malaysia dan adalah penting demi masa depan Malaysia. TI-M menyeru supaya reformasi yang dicadangkan ini dilaksanakan sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13.



## **Tentang Transparency International – Malaysia**

**Transparency International – Malaysia (TI-M)** adalah sebuah badan bebas bukan kerajaan, yang komited dengan perjuangan menentang rasuah. TI-M merupakan cabang berakreditasi *Transparency International* yang berpangkalan di Berlin.

Visi TI-M adalah komited dalam usaha mencapai sebuah masyarakat yang adil dalam ruang lingkup demokrasi majmuk yang mapan, dan bebas daripada rasuah. TI-M membabitkan diri dalam sektor awam, sektor swasta dan masyarakat sivil menerusi pelbagai program advokasi, pendidikan, maklumat, dan penyelidikan dalam usaha memerangi rasuah.

Program-program TI-M tertumpu pada usaha membangunkan organisasi, advokasi, projek-projek berkaitan kontrak dan pemerolehan awam, kebebasan maklumat, pembiayaan politik, integrity urus tadbir perhutanan, pakatan integriti, pendidikan dan latihan, kaji selidik, hubungan media, penerbitan dan rangkaian kerja. Advokasi dasar bermatlamat menambah baik rukun-rukun institusi system Integriti Nasional, semakan semula dasar dan undang-undang pencegahan rasuah dan menggalakkan transparensi dan akauntabiliti lebih besar dalam sector awam dan swasta.

## **Transparency International – Malaysia**

Suite B-11-1, Wisma Pantai, Plaza Pantai, 5, Jalan 4/83A, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +603-2284 0630

Faks: +603-2284 0690

Laman Web: [www.transparency.org.my](http://www.transparency.org.my)

Emel: [admin@transparency.org.my](mailto:admin@transparency.org.my)

## **LAMPIRAN-LAMPIRAN**

### **Lampiran I – Cadangan Pendanaan Langsung Kerajaan dan Akses Sama Rata Kepada Media**

#### **1. Cadangan Pendanaan Langsung Kerajaan (DSF)**

- a. Pada masa ini, terdapat sebanyak 222 kerusi Parlimen dalam Dewan Rakyat dan sebanyak 505 kerusi Dewan Undangan Negeri di pelbagai Dewan Undangan Negeri.
- b. DSF diberikan secara tahunan kepada parti-parti politik sahaja, bukan kepada individu.
- c. TI-M mencadangkan pelaksanaan dua bentuk DSF.
- d. Pendanaan Persaingan Pilihan Raya (Electoral Competition Funding) bagi Wakil-wakil Yang Dipilih
  - i. Pendanaan persaingan pilihan raya yang dicadangkan ini akan diberikan kepada semua wakil yang menyandang jawatan.
  - ii. Satu formula seharusnya dirangka dalam memutuskan pendanaan kerajaan bagi kerusi-kerusi Parlimen dan kerusi-kerusi negeri berdasarkan faktor-faktor yang berikut; saiz kawasan pilihan raya, sama ada ia kawasan luar bandar atau bandar, bilangan pengundi, dsb.
  - iii. Pendanaan bagi Ahli Parlimen hendaklah dibiayai oleh kerajaan persekutuan sementara pendanaan bagi ADUN hendaklah dibiayai oleh kerajaan negeri mereka masing-masing.
  - iv. Pendanaan ini mestilah diberikan kepada parti-parti politik yang mengambil bahagian dalam pilihan raya, yang akan mengagih-agihkan pendanaan itu mengikut prerogatif mereka sendiri. Parti-parti politik bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan ke atas wang awam.
  - v. Bagi calon-calon bebas yang sedang menyandang jawatan, pendanaan akan diberikan kepada calon-calon berkenaan.

- e. Peruntukan Bulanan Bagi Kawasan-kawasan Pilihan Raya Wakil-wakil Yang Dipilih sebagai tambahan kepada manfaat sedia ada, yakni manfaat bagi menghadiri sidang dewan, perjalanan, keraian, gaji pemandu dan perbelanjaan lain pada kadar tetap.
  - i. Peruntukan bulanan yang dicadangkan akan diberikan kepada semua wakil yang dipilih sepanjang penggal mereka.
  - ii. Peruntukan bulanan RM10,000 akan diberikan kepada semua Ahli Parlimen, manakala RM5,000 akan diberikan kepada semua ADUN. Jumlah wang yang dibayar setiap tahun adalah RM26,640,000 bagi Ahli-ahli Parlimen, dan RM30,300,000 bagi Ahli-ahli DUN.
  - iii. Pendanaan untuk Ahli-ahli Parlimen hendaklah dibiayai oleh kerajaan persekutuan manakala pendanaan bagi Ahli-ahli DUN hendaklah dibiayai oleh kerajaan negerinya masing-masing.
  - iv. Pendanaan ini mestilah diberikan kepada parti-parti politik, yang akan mengagih-agihkan pendanaan itu mengikut prerogatif mereka sendiri. Parti-parti politik berkenaan bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan ke atas wang awam.
  - v. Bagi calon-calon bebas yang sedang menyandang jawatan, pendanaan akan diberikan kepada calon-calon berkenaan
- f. Semua parti dan wakil yang dipilih mesti mengemukakan laporan kewangan tahunan mengenai pengendalian dana yang diagih-agihkan itu kepada Suruhanjaya Pilihan Raya bagi pemantauan dan pengawasan. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan liabiliti jenayah.
- g. Salah urus dana DSF adalah suatu kesalahan jenayah.
- h. Sebuah jawatankuasa/suruhanjaya khas mesti dibentuk bagi memantau sejauh mana pembiayaan itu mencukupi; dengan memiliki kuasa untuk melaraskan/menyesuaikan DSF berkenaan berdasarkan inflasi dan keperluan kewangan parti-parti politik.

## **2. Cadangan mengenai Akses Sama Rata Kepada Media**

- a. Masa siaran yang berkadar/seimbang, terutamanya dalam media awam seharusnya diberikan kepada semua parti politik yang bertanding untuk Dewan Rakyat. Media awam termasuk stesen radio dan televisyen milik kerajaan (contohnya: RTM, TV1 dan TV2), dan Bernama.
- b. Masa siaran seharusnya diperuntukkan sama rata kepada perikatan/pakatan umpamanya Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat, dan perikatan/pakatan

berkenaan akan membahagikan peruntukan mereka di kalangan parti-parti komponen mereka.

- c. Dalam tempoh kempen, setiap perikatan/pakatan akan diperuntukkan masa siaran harian yang sama rata di saluran radio dan televisyen awam.

## **Lampiran II – Pendanaan oleh Kerajaan di Pelbagai Negara**

### **Amerika Syarikat<sup>1</sup>**

1. **Gambaran Keseluruhan**
  - a. Di peringkat persekutuan, pendanaan awam terhad /terbatas hanya bagi pilihan raya presiden termasuk proses pemilihan calon presiden oleh parti.
  - b. Sesetengah program kewangan awam juga ada di peringkat negeri dan tempatan.
  - c. Dana diperoleh daripada “\$3 tax check-off”. Melalui proses ini, pembayar cukai individu boleh memberikan keizinan beliau dalam borang taksiran cukainya supaya sebanyak USD3 daripada cukai yang mereka bayar itu disalurkan kepada dana pemilihan presiden.
  
1. **Kaedah Kelayakan dan Pengagihan (Persekutuan)**
  - a. **Subsidi bagi Konvensyen Menamakan Calon Presiden**
    - i. Calon-calon dari dua parti utama ditawarkan dana kerajaan sebanyak \$4 juta (ditambah pelarasan untuk kos sara hidup) bagi konvensyen menamakan calon presiden oleh parti.
    - ii. Calon-calon parti kecil mungkin layak mendapat sebahagian pendanaan berdasarkan prestasi parti-parti mereka sebelum itu.
  - b. **Pendanaan Pilihan Raya Umum**
    - i. Orang yang dinamakan untuk menjadi calon Presiden dari setiap parti utama layak mendapat geran awam sebanyak \$20 juta (ditambah pelarasan untuk kos sara hidup) bagi berkempen dalam pilihan raya umum.
    - ii. Calon-calon parti kecil mungkin layak mendapat sebahagian pembiayaan berdasarkan prestasi parti-parti mereka sebelum itu jika mereka memenangi sekurang-kurangnya 5% undi. Parti-parti baru yang memenangi lebih daripada 5% undi menerima pendanaan selepas pilihan raya.
  - c. **Subsidi bagi Proses Menamakan Calon-Calon Pilihan Raya (Primary)**
    - i. Calon-calon yang secara persendirian berupaya mengumpul \$5000 setiap seorang di sekurang-kurangnya 20 negeri layak mendapat dana setara

---

<sup>1</sup> <http://www.fec.gov/pages/brochures/pubfund.shtml>

sedolar bagi setiap dolar sumbangan yang diberikan untuk kempen hingga had maksimum USD250 setiap sumbangan.

2. Kaedah Sekatan dan Pendedahan (Persekutuan)

- a. Calon-calun yang bersetuju menerima pendanaan kerajaan perlu mematuhi pelbagai had dalam perbelanjaan di peringkat nasional dan negeri, dalam pengumpulan dana dan penggunaan dana peribadi.
- b. Calon-calun perlu mengemukakan laporan kewangan yang mengandungi maklumat kewangan kempen secara terperinci, termasuk akaun yang lengkap dengan butirannya mengenai sumbangan dan perbelanjaan yang melebihi \$200 dan hutang dan tanggungan yang terhutang kepada mereka atau yang terhutang kepada pihak lain.
- c. Pejabat Rekod Awam juga ada menyediakan indeks komputer, kajian statistik yang menyediakan ringkasan data yang diambil daripada laporan-laporan dan senarai-senarai individu yang sumbangannya membolehkan calon-calun Presiden layak mendapat dana setara (matching fund).
- d. Jawatankuasa Tindakan Politik (jawatankuasa pilihan raya yang ditubuhkan khusus bagi mendapatkan dana dan berkempen untuk calon-calun) juga perlu mengemukakan laporan mereka.
- e. Juga terdapat had/batasan mengenai apa yang boleh disumbangkan oleh seseorang calon di peringkat nasional, negeri atau daerah.<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup> [http://www.fec.gov/ans/answers\\_general.shtml](http://www.fec.gov/ans/answers_general.shtml)

## **Australia**

### **1. Gambaran Keseluruhan**

- a. Ada di peringkat Komanwel (Persekutuan) (yang ditadbir oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Australia (AEC)<sup>3</sup> tetapi parti-parti utama masih bergantung kepada sumber swasta/persendirian bagi separuh daripada pendanaan mereka.<sup>4</sup>
- b. Juga ada di peringkat negeri/wilayah bagi Queensland, Victoria dan Wilayah Ibu Negara Australia.<sup>5</sup>
- c. Sekurang-kurangnya 95% daripada bayaran akan dibiayai dalam masa empat minggu selepas pilihan raya.

### **2. Kaedah Kelayakan dan Pengagihan (Komanwel)**

- a. Seseorang calon (Dewan Rendah) atau sesuatu kumpulan calon (Senat) mestilah mendapat undi sekurang-kurangnya 4% daripada undi keutamaan pertama formal untuk layak mendapat pendanaan. Ini terpakai bagi parti-parti yang berdaftar dan calon-calon bebas.
- b. Secara teknikal, ini bermakna sehingga jumlah maksimum 25 calon atau kumpulan-kumpulan calon bagi setiap kawasan pilihan raya layak mendapatkan pendanaan namun demikian Australia mempunyai sistem dua parti kerana mereka mempunyai sistem pilihan raya Undi Alternatif.
- c. Setiap undi keutamaan pertama formal yang diterima oleh calon yang layak didarab dengan kadar pendanaan semasa. Kadar itu dilaraskan/disesuaikan untuk menampung inflasi bagi setiap enam bulan, dan adalah \$2.31191 bagi setiap undi yang layak.

### **3. Sekatan dan Pendedahan (Komanwel)**

- a. Pendanaan disediakan berdasarkan kelayakan dan bukan berdasarkan pembayaran kembali.
- b. Parti-parti politik dikehendaki mengemukakan laporan kewangan tahunan.
- c. Laporan kewangan pilihan raya dikehendaki bagi semua peserta dalam semua pilihan raya.
- d. Laporan disiarkan di laman web AEC untuk penelitian orang ramai.

---

<sup>3</sup>[http://www.aec.gov.au/Parties\\_and\\_Representatives/public\\_funding/files/election-funding-guide-072010.pdf](http://www.aec.gov.au/Parties_and_Representatives/public_funding/files/election-funding-guide-072010.pdf)

<sup>4</sup>Sumber: Laporan Pengesan Tahunan Suruhanjaya Pilihan Raya Australia. Lihat <http://www.political-donations.org.au/issues/public-funding-of-elections/>

<sup>5</sup><http://www.political-donations.org.au/issues/public-funding-of-elections/>

## **Jerman<sup>6</sup>**

### **1. Gambaran Keseluruhan**

- a. Pendanaan awam langsung disediakan untuk pilihan-pilihan raya Diet Persekutuan (Nasional), Landtag (Negeri) dan Parlimen Eropah (Benua) menerusi subsidi dan juga dana setara bagi yuran keahlian dan derma persendirian/swasta.
- b. Dana diagih-agihkan empat kali setahun.
- c. Pembiayaan awam tidak langsung boleh didapati menerusi pengecualian cukai bagi penderma, yang dengan itu individu persendirian boleh memotong 50 peratus daripada derma mereka di bawah €3,000 (dua kali ganda bagi taksiran cukai bersama) daripada pendapatan boleh cukai, atau menuntut kredit cukai €825 (€1650 bagi taksiran bersama).

### **2. Kaedah kelayakan dan pengagihan**

- a. Semua parti layak mendapat pendanaan awam jika mereka telah memperoleh:
  - i. 0.5% daripada undi dalam pilihan raya kebangsaan atau Eropah yang terakhir; atau
  - ii. 1% dalam pilihan raya negeri yang terakhir.
- b. Parti-parti diberi:
  - i. setiap tahun, €0.85 bagi setiap undi yang diperolehi (dalam senarai parti bagi empat juta undi pertama dan €0.70 bagi setiap undi selepas itu.
  - ii. dana setara sebanyak €0.38 bagi setiap Euro yang diterima daripada yuran keahlian dan derma individu tidak melebihi €3,300.
- c. Pendanaan dibatasi dengan dua cara:
  - i. had menyeluruh bagi semua dana yang dikeluarkan/dibayar setiap tahun adalah 133 juta Euro;
  - ii. sesebuah parti tidak boleh menerima dana tahunan daripada orang ramai melebihi daripada apa yang telah diperolehi atau yang telah dijana dalam tahun berkenaan.

---

<sup>6</sup> <http://www.loc.gov/law/help/campaign-finance/germany.php>



3. Sekatan dan Pendedahan

- a. Tiada sekatan ke atas pendanaan persendirian/swasta. Hanya penderma yang derma mereka melebihi €10,000 setahun sahaja yang perlu dicatatkan namanya dalam penyata kewangan tahunan parti. Namun demikian, derma persendirian/swasta melebihi €50,000 mestilah didedahkan dengan serta-merta.
- b. Derma dilarang daripada (a) pertubuhan amal, (b) kesatuan sekerja, (c) persatuan-persatuan profesional, (d) persatuan-persatuan industri atau komersial/perdagangan, (e) badan-badan kerajaan atau badan-badan bersekutu di luar Kesatuan Eropah jika derma itu melebihi €1,000 dan (e) penderma tanpa nama jika menderma melebihi €500.
- c. Semua parti politik mesti menjelaskan kepada umum mengenai aset, hasil dan perbelanjaan mereka, tidak kira sama ada mereka berhak untuk menerima pendanaan langsung daripada kerajaan atau tidak. Laporan kewangan mesti diaudit dengan sewajarnya oleh suatu pihak bebas dan dikemukakan dengan menyertakan pendapat audit kepada Presiden Bundestag Jerman, yang akan menerbitkannya sebagai kertas bercetak Bundestag.
- d. Pelanggaran dengan sengaja yang bertujuan menyembunyikan penerimaan atau penggunaan dana boleh dihukum penjara hingga sampai 3 tahun atau denda.

## Korea Selatan<sup>7</sup>

### 1. Gambaran Keseluruhan

- a. Penerima: Parti-parti politik
- b. Badan yang memberikan: Suruhanjaya Pilihan Raya
- c. Subsidi Am (dibayar 4 kali setahun).
  - i. Subsidi Pilihan Raya (bagi pilihan raya presiden, parlimen dan serantau).
  - ii. Subsidi Penamaan Calon Wanita.
  - iii.

### 2. Kaedah Kelayakan dan Pengagihan

- a. Subsidi Am dan Subsidi Pilihan Raya.
  - i. 50% diagih-agihkan sama rata kepada dua parti politik utama.
  - ii. 5% diperuntukkan bagi setiap parti dengan 5 – 19 kerusi dalam Perhimpunan Kebangsaan (*National Assembly*) (berjumlah 298 kerusi).
  - iii. 2% diperuntukkan bagi setiap parti yang mendapat sekurang-kurangnya 2% undi atau memenangi sekurang-kurangnya satu kerusi dalam pilihan raya Perhimpunan Kebangsaan yang lepas, dengan syarat sebelum itu telah juga memenangi 0.5% undi dalam pilihan raya serantau yang berteraskan parti.
  - iv. 0.5% diberikan kepada setiap parti politik yang sebelum itu telah memperoleh 2% dalam pilihan raya tempatan yang berteraskan parti.
  - v. Jumlah selebihnya diagih-agihkan di kalangan parti-parti parlimen, dengan 50% berdasarkan bahagian kerusi dan 50% berdasarkan bahagian undi.
- b. Subsidi Kerana Menamakan Wanita Sebagai Calon
  - i. Parti-parti yang 30% daripada calonnya adalah wanita akan berkongsi di kalangan mereka semua subsidi, berdasarkan bahagian kerusi (50%) dan bahagian undi (50%) dalam pilihan raya Perhimpunan Kebangsaan.
  - ii. Jika tiada parti yang menamakan sekurang-kurangnya 30% wanita, subsidi berkenaan akan dikongsi sama rata dengan parti-parti berdasarkan perkiraan 15 - 30% dan 5 - 15% penamaan wanita, dan setiap kategori adalah berdasarkan bahagian mengikut kerusi (50%) dan bahagian mengikut undi (50%) dalam pilihan raya Perhimpunan Kebangsaan.

<sup>7</sup> <http://www.nec.go.kr/engvote/fund/details.jsp>

3. Sekatan dan Pendedahan

- a. Subsidi peringkat nasional adalah bagi operasi parti-parti politik, dan tidak boleh digunakan untuk perkara-perkara selain (a) kos perjawatan, (b) kelengkapan pentadbiran dan barangan guna habis (*consumable*), (c) perbelanjaan bagi mengadakan dan menyelenggarakan pejabat, (d) caj utiliti awam, (e) perbelanjaan pembangunan dasar, (f) latihan untuk ahli-ahli parti, (g) perbelanjaan aktiviti organisasi, (h) kos pengiklanan, dan (i) kos berkaitan pilihan raya.
- b. Penerima subsidi am mesti memperuntukkan 30%, 10% dan 10% masing-masing untuk pusat penyelidikan dasar, cawangan-cawangan serantau, dan pembangunan politik wanita.
- c. Semua parti politik mesti menjelaskan kepada orang ramai mengenai aset mereka, dan sumber dan penggunaan dana mereka, tidak kira sama ada mereka layak menerima pendanaan langsung dari kerajaan atau tidak.
- d. Penyata aset dan liabiliti mesti diaudit dengan sewajarnya oleh suatu pihak bebas dan dikemukakan berserta pendapat audit kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Kebangsaan, yang akan menyediakan laporan berkenaan bagi membolehkan orang ramai memeriksanya.

## United Kingdom<sup>8</sup>

### 1. Gambaran Keseluruhan

- a. UK tidak mempunyai kewangan awam secara besar-besaran kepada semua parti melainkan geran pembangunan dasar dan di Parlimen Scotland.
- b. Parti-parti pembangkang dalam kedua-dua dewan Parlimen Westminster layak mendapat peruntukan khas untuk membantu mereka menampung kos mereka.
- c. Pendanaan tidak langsung “dalam bentuk benda”: termasuk penghantaran komunikasi pilihan raya oleh Mel Diraja secara percuma, penggunaan bangunan awam semasa berkempen secara percuma, dan penyiaran politik secara percuma untuk parti disediakan kepada semua parti yang layak.

### 2. Kaedah Kelayakan dan Pengagihan (Kebangsaan)

- a. Wang Short (Dewan Rakyat (*House of Commons*))<sup>9</sup>
  - i. Disediakan kepada semua parti pembangkang di parlimen yang telah memenangi sekurang-kurangnya 2 kerusi atau 150,000 undi dalam pilihan raya umum yang lepas.
  - ii. Dari 1 April 2008, parti-parti yang layak menerima “pendanaan am” sebanyak £14,015 bagi setiap kerusi yang dimenangi dalam pilihan raya yang lepas ditambah £27.00 bagi setiap 200 undi yang diperolehi parti berkenaan.
  - iii. Parti-parti yang layak juga membahagikan jumlah peruntukan “Perbelanjaan Perjalanan” (£153,956 sejak 1 April 2008) di kalangan mereka berdasarkan kaedah yang sama bagi “pendanaan am”.
  - iv. Pejabat Pemimpin Pembangkang juga menerima pendanaan (£652,936 bagi tahun 2008) dan sebagai tambahan, Pemimpin Pembangkang, Ketua Whip Pembangkang dan Penolong Whip Pembangkang menerima gaji daripada dana awam, selain gaji mereka sebagai ahli parlimen.
- b. Wang Cranborne (Dewan Pertuanan (*House of Lords*))<sup>10</sup>
  - i. Tersedia kepada pembangkang dan anggota bangsawan yang tidak bersekutu (*cross-bench peers*).
  - ii. Pemimpin Pembangkang dan Ketua Whip Pembangkang juga menerima gaji bagi tugas-tugas mereka.

<sup>8</sup> [http://www.electoralcommission.org.uk/party-finance/public\\_funding](http://www.electoralcommission.org.uk/party-finance/public_funding)

<sup>9</sup> <http://www.parliament.uk/documents/commons/lib/research/briefings/snpc-01663.pdf>

<sup>10</sup> <http://www.parliament.uk/documents/commons/lib/research/briefings/snpc-01663.pdf>

- c. Geran Pembangunan Dasar
  - ii. Geran tahunan sebanyak £2 juta diperuntukkan di kalangan parti-parti yang mempunyai dua ahli parlimen yang telah mengangkat sumpah.
  - iii. Dana berkenaan diperuntukkan mengikut kelas parti-parti berlainan yang dikumpulkan mengikut saiz.
- 3. Kaedah Sekatan dan Pendedahan
  - a. Semua parti politik mesti menjelaskan kepada orang ramai mengenai aset mereka dan mengenai sumber dan penggunaan dana mereka, tidak kira sama ada mereka layak menerima pendanaan langsung dari kerajaan atau tidak.
  - b. Penyata aset dan liabiliti mesti diaudit dengan sewajarnya oleh suatu pihak bebas dan dikemukakan berserta pendapat audit kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, yang akan menyediakan penyata akaun parti-parti itu supaya dapat diperiksa oleh orang ramai sebaik sahaja boleh dipraktikkan selepas Suruhanjaya Pilihan Raya menerima laporan berkenaan.
  - c. Sesiapa yang menyembunyikan atau cuba menyembunyikan sumber atau penggunaan dana atau aset sesebuah parti atau mengelat atau cuba mengelat kehendak-kehendak berkanun mengenai pelaporan dan perakaunan parti akan dipenjarakan, didenda atau menyebabkan mana-mana derma yang tidak dilaporkan itu dirampas/dilucut hak.